

10 SEP 2003

PM-Lawatan

PM LAKUKAN LAWATAN KERJA SEHARI KE KELANTAN

KOTA BAHARU, 10 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan pada 15 Sept ini.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan Mat Nawi Mat Jusoh berkata, semasa lawatan itu, Perdana Menteri akan berucap pada majlis perasmian Jambatan Tendung-Wakaf Che Yeh berharga RM166 juta oleh Sultan Kelantan.

Selepas itu beliau akan menemui jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan di sebuah hotel di sini dan seterusnya dijadual merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1).

Diakhir lawatan sebelum berlepas pulang, Dr Mahathir akan menghadiri majlis jamuan makan malam bersama pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Kompleks Sekolah-sekolah Wakaf Mek Zainab di sini.

Sementara itu ribuan rakyat Kelantan dijangka turut menghadiri majlis perasmian Jambatan sepanjang 960 meter itu yang merupakan satu projek mesra rakyat yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan.

Perletakan batu asas pembinaan jambatan berkenaan dilakukan oleh Perdana Menteri pada 26 November 1999, merupakan laluan kedua selepas Jambatan Sultan Yahya Petra yang merintang Sungai Kelantan.

Kedua-dua jambatan itu menghubungkan antara bandar Kota Baharu dengan Pasir Mas, Tumpat dan Sungai Golok di Selatan Thailand melalui Rantau Panjang.

Selain itu jambatan ini juga akan dapat mengurangkan kesesakan lalulintas yang teruk yang dialami selama ini terutama pada musim perayaan apabila rakyat Kelantan pulang berhari raya di kampung halaman.

--BERNAMA

WM BK